

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2011

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN SAMBUTAN HARI INOVASI

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan mengenai perbelanjaan sambutan Hari Inovasi.

LATARBELAKANG

2.1 Dalam usaha UMP memacu pencapaiannya ke arah menjadi Universiti Teknologi Bertaraf Dunia, Hari Inovasi merupakan satu usaha pembaharuan dan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan objektif keempat UMP untuk diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang;

2.2 Di UMP, antara aktiviti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang dilaksanakan adalah Program Amalan 5S, Program Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK), Program Persijilan ISO dan inisiatif khas Universiti iaitu Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran;

2.3 Peraturan mengenai perkara ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2001.

PERATURAN PERBELANJAAN SAMBUTAN HARI INOVASI

3.1 Pertandingan

Bilangan acara pertandingan yang boleh diadakan sempena sambutan Hari Inovasi adalah terhad kepada 7 acara sahaja. Pertandingan boleh diadakan sama ada secara berkumpulan atau individu.

3.2 Jamuan

Kadar bagi mengadakan jamuan adalah tidak melebihi RM30 seorang sehari mengikut kadar seperti berikut:

Jamuan Pagi	RM8
Makan Tengah Hari	RM17
Minum Petang	RM5

3.3 Hadiah Pertandingan

Hadiah kepada pemenang setiap acara pertandingan adalah terhad kepada kadar maksimum seperti berikut:

Pemenang	Pertandingan Peringkat UMP	
	Kumpulan	Individu
Pertama Hadiah/ Tunai Piala	RM5,000 RM300 Sijil	RM1000 RM250 Sijil
Kedua Hadiah/ Tunai	RM3,000 Sijil	RM750 Sijil
Ketiga Hadiah/ Tunai	RM2,000 Sijil	RM500 Sijil

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesesuaian kadar hadiah bagi setiap kategori pertandingan.

3.4 Panel Hakim

Universiti boleh melantik panel hakim dari luar agensi tidak melebihi tiga orang bagi menilai peserta pertandingan yang diadakan. Panel hakim boleh diberi saguhati/hadiah tertakluk kepada had maksimum seperti berikut:

(a) Ketua Hakim

KIK RM200 sehari
Acara Lain RM200 satu program

(b) Hakim

KIK RM150 sehari
Acara Lain RM150 satu program

Hadiah bagi pemenang dan panel hakim di atas boleh diberi dalam bentuk tunai dan/atau hadiah dalam bentuk **plaque, buku atau kraftangan tempatan sahaja** terhad kepada kadar maksimum di atas

3.5 Bayaran Penceramah

Bayaran penceramah jemputan yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Awam adalah mengikut kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2005 atau pindaan. Bagi penceramah daripada pihak swasta adalah berdasarkan kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 19 Tahun 2002 atau pindaan.

3.6 Hiasan dan pameran

Perbelanjaan hiasan dewan dan pameran hendaklah diperingkat minimum dan mematuhi tatacara perolehan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

3.7 Tempat Mengadakan Hari Inovasi

Sambutan Hari Inovasi seboleh-bolehnya hendaklah diadakan di UMP bagi membolehkan semua staf hadir menyertai program dan menjimatkan perbelanjaan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

1 April 2011

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar